

TS M/S 10 Nakro 7 18/7/25
(Jurnal)

Asean key in affordable next-gen HIV meds

KUCHING: Asean must work together to reduce the cost of next-generation antiretroviral (ARV) drugs for HIV patients in their respective countries, says Datuk Lukanisman Awang Sauni.

The Deputy Health Minister said regional cooperation was vital to procure these drugs at fair and affordable prices.

"The cost of ARV drugs is high due to their intellectual property, so we need to work together on regional procurement solutions.

"Buying in bulk through an Asean regional platform will facilitate easier access to these drugs," he told reporters after opening the Asean regional dialogue on affordable ARV drugs and promoting community-based testing here yesterday.

Lukanisman also said Malaysia was working to reduce the cost of a new fixed-dose combination drug known as Tenofovir-Lamivudine-Dolutegravir (TLD).

"The current ARV costs about RM500 a year. TLD is a new medicine, which would cost over RM200 a month but we want to reduce it to at least RM100 per month.

"The cost is higher than the previous ARV but it's more effective in treating patients," he said.

The Star M/S 10 Nation 18/7/2025 (Friday)

Medical tours may see a dip

Service tax likely to hurt Penang's booming healthcare sector

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Penang's healthcare travel may face challenges with the 6% service tax on foreign patients and the weakening Indonesian rupiah.

Penang health committee chairman Daniel Gooi said with over 90% of Penang's healthcare travellers coming from Indonesia, the impact could be significant.


"Given the depreciation of the Indonesian currency, many may begin to feel the pinch."

"Combined with the 6% service tax effective July 1, this can impact the number of foreign patients seeking private healthcare here."

On July 1, the Federal Government expanded the coverage of the sales and service tax. This 6% medical service tax applies only to foreigners seeking private healthcare here.

In November last year, Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) reported that Malaysia saw 584,468 healthcare travellers arriving in the first six months of 2024.

In the council's June 17 report this year: "Malaysia Healthcare Travel Industry - 2024 Performance Highlights", it noted that Penang hit a record by generating over RM1bil in healthcare



Vulnerable position: Penang's medical tourism sector faces challenges due to new 6% service tax on foreign patients and weakening Indonesian rupiah. — LIM BENG TATT/The Star

travel revenue, adding to the national healthcare travel revenue of RM2.72bil.

The council also said that Indonesians remain the largest group of healthcare travellers to Malaysia.

Despite the expected slowdown, Gooi said Malaysia, particularly Penang, remains a key player in cross-border private healthcare.

"Malaysia offers world-class healthcare at affordable prices.

Penang continues to attract foreign patients, especially from Indonesia, due to its high standards and close proximity."

The exchange rate on Thursday was RM1 to 3,844.67 Indonesian rupiah compared RM1 to 3,448.28 rupiah during the same period last year.

Gooi added that affordability remains a major draw.

He saw potential for growth with more direct international flights, particularly from China.

"More work needs to be done to promote private healthcare in Penang.

"We will collaborate closely with our private healthcare professionals to find new ways to attract more international patients.

"While it is still early to assess the impact, since the tax was only recently imposed, we will monitor the situation closely," he said.

Gooi also said that during a recent meeting with Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad and state health exco, he proposed that the Federal Government consider remitting a portion of the 6% service tax to the states generating the revenue.

"I urged the ministry to consider channelling funds to states like Penang, which have worked hard to build up their healthcare travel sector."

"Almost half of the country's foreign healthcare travel revenue comes from Penang."

Gooi added that the funds could be used to improve Penang's public healthcare facilities and infrastructure, which contribute to the convenience of healthcare travellers from abroad.

"It will help keep us as a regional leader if the tax revenue is channelled back to us in some way," he said.

Harian Metro M/s 12 Local 18/7/25 (Jumaat)

Perlu kerjasama kurang kos rawat HIV

Kuching: Kos rawatan bagi pesakit HIV di negara ASEAN dijangka meningkat sejajar lonjakan jumlah kes baharu setiap tahun.

Justeru, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, negara anggota ASEAN perlu bekerjasama secara kolektif untuk menurunkan kos rawatan kepada tahap yang mampu

milik dan adil bagi semua.

Beliau berkata, berikutan dana antarabangsa untuk rantau ini semakin berkurangan, negara-negara anggota tidak boleh bertindak secara bersendirian tetapi mesti bergabung tenaga sebagai satu rantau yang bersatu.

“Jika tidak, ASEAN berisiko kehilangan momentum dalam usaha mena-

ngani HIV dan AIDS,” katanya pada Majlis Perasmian ASEAN Regional Dialogue on Affordable Antiretroviral (ARV) Drugs and Promoting Community Based Testing (CBT) di sini, semalam.

Seramai 15 pakar kesihatan dari Brunei, Kemboja, Laos, Filipina, Singapura dan Malaysia menghadiri bengkel berkenaan.

Lukanisman berkata, kegagalan menurunkan kos rawatan yang tinggi akan menjejaskan kemajuan yang sudah dicapai setakat ini.

“Dengan pengurangan ketara dalam sokongan daripada mekanisme global seperti Global Fund dan PEPFAR, negara ASEAN kini berada dalam keadaan genting,” katanya.

The Sun M/s 3 National 18/7/2025 (Jumaat)

Health Ministry embraces AI to boost clinic efficiency

KUALA LUMPUR: A total of 156 health clinics have been equipped with a cloud-based content management system, with 70% of the patients being treated in less than 30 minutes.

In a post on Facebook, Health

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the achievement was partly due to the artificial intelligence (AI) digital reforms that his ministry is currently implementing.

He also said the first phase of

the Electronic Medical Record system has been completed, involving five million prescriptions, 20 million vaccination records and one million dental records.

Additionally, he said MySejahtera has now developed

into a preventive health gateway and a national digital gateway.

"We are also pleased to announce that the Health Ministry and Google are now exploring a strategic collaboration to use AI to address the country's key health challenges.

"It is a major step towards making Malaysia the leader in AI-based digital health in the region," he said.

Dzulkefly said as the 2025 Asean Chair, Malaysia is committed to driving regional cooperation in health data governance, ethical use of AI and cross-border digital capacity building.

On Wednesday, the health minister officiated at the Precision Public Health Asia 2025 Conference which brought together over 500 delegates from across the region, eight technology exhibitors, and regional health leaders who share the aspiration of building a data-driven, personalised and people-centric health system.

"Precision Public Health is no longer a concept of the future. It is being implemented in Malaysia. And it will be a pillar for a more sustainable, equitable and competitive health system," he said. — Bernama



More than 100 health clinics have been equipped with the cloud-based content management system under the Health Ministry's AI digital reforms plan, said Dzulkefly. — **SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN**

Utusan Malaysia m/s 5 b/Negeri 18/7/2025 (Jumaat)

Kerajaan peka keperluan kesihatan rakyat



PROTECTHEALTH melaksanakan saringan kesihatan PeKa B40 secara turun padang termasuk lawatan dari rumah ke rumah.

KEMENTERIAN Kesihatan melalui agensi ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. ("Protecthealth") menawarkan saringan kesihatan percuma khususnya kepada kumpulan B40.

Mengambil pendekatan mencegah lebih baik daripada mengubati, skim PeKa B40 bertujuan menampung keperluan kesihatan kumpulan berpendapatan rendah dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).

Lebih daripada setengah juta atau 2.5% dewasa di Malaysia menghidap empat penyakit tidak berjangkit berdasarkan data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023 iaitu kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan masalah obesiti.

Dua daripada lima dewasa berumur 18 tahun ke atas tidak melakukan saringan kesihatan dalam tempoh 12 bulan yang lalu adalah 90% daripada mereka merasakan mereka sihat. Hal ini amat membimbangkan sekiranya masyarakat tidak peka dan cakna akan kesihatan sendiri.

Melalui skim PeKa B40, penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang berumur 40 tahun ke atas dan pasangannya yang berdaftar layak mendapatkan saringan kesihatan secara percuma.

Sehingga 31 Mei 2025, seramai 1.6 juta rakyat Malaysia yang layak

**PeKa
B40**

telah melakukan saringan kesihatan di hospital awam, klinik kesihatan (KK) yang berhampiran dan klinik swasta yang berdaftar dengan ProtectHealth.

Selain manfaat saringan kesihatan percuma, alat bantuan perubatan sebanyak RM20,000 juga dapat dinikmati oleh penerima yang layak malah, bantuan RM1,000 juga diberikan kepada pesakit kanser yang melengkapkan rawatan dan insentif tambang pengangkutan sehingga RM1,000 turut diberikan melalui manfaat PeKa B40.

Salah seorang penerima alat bantuan perubatan adalah Puan Halizah yang telah menerima manfaat bantuan alat kaki palsu bawah lutut selepas kehilangan anggota kaki akibat komplikasi kesihatan.

Alat bantuan yang diterima ini membantu beliau kembali melangkah untuk meneruskan rutin harian. PeKa B40 bukan sekadar bantuan tetapi merupakan peluang kedua untuk meneruskan kehidupan yang lebih bermakna.

Sebagai langkah proaktif untuk mendekati kumpulan B40,

ProtectHealth telah melaksanakan saringan kesihatan PeKa B40 secara turun padang melalui lawatan dari rumah ke rumah.

Program ini dijalankan bersama-sama Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Sabah dan PPR Sri Melaka, Cheras menerusi kerjasama strategik antara ProtectHealth dan Megaklinik Zahran.

Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada penghuni PPR yang berpeluang menjalani saringan kesihatan secara percuma. Skim yang telah memasuki tahun keenam yang dilaksanakan oleh ProtectHealth ini tidak memerlukan pendaftaran.

Semakan kelayakan boleh dibuat di laman sesawang ProtectHealth dengan memasukkan nombor kad pengenalan individu.

Sekiranya layak, penerima boleh hadir ke klinik kesihatan yang berhampiran atau klinik swasta yang berdaftar dengan membawa kad pengenalan. Penerima manfaat akan menerima saringan kesihatan percuma pada lawatan yang pertama dan lawatan kedua akan dibuat selepas mengetahui keputusan makmal.

Bagi yang belum melakukan saringan kesihatan, rebutlah peluang ini dengan baik. Sayangi diri anda sebelum terlambat. Jadilah individu yang peka dan cakna tentang tahap kesihatan diri.



Dedikasi derma darah Jeck Leng

SETIAP dua minggu sekali menjadi rutin buat Chin Jeck Leng untuk berkunjung ke ke Pusat Darah Negara (PDN) di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Tujuan wanita berusia 65 tahun itu ke situ adalah meneruskan amalan yang telah dilakukannya sejak hampir lima dekad lalu iaitu menderma darah.

Baginya menderma darah bukanlah sekadar satu amalan kesihatan, malah ia telah menjadi satu misi hidupnya.

Sehingga kini, dia telah menderma darah sebanyak 581 kali.

Malah, dia juga kini memegang gelaran wanita paling banyak menderma darah di Malaysia.

Pencapaian luar biasa yang dilakukannya itu telah membolehkan Jeck Leng menjadi salah seorang daripada empat penerima



Setiap dua minggu saya akan menempuh perjalanan dari rumah di Petaling Jaya, Selangor untuk datang ke PDN dan kemudian meluangkan masa hampir satu jam untuk menderma darah. Saya tidak meminta sebarang penghargaan apabila menderma darah, namun apabila diberi anugerah sebegini saya rasa diri ini benar-benar dihargai."

anugerah 'Medal For Life' yang telah menderma lebih 500 kali sepanjang hayat mereka sempena Majlis Apresiasi Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 dan Sambutan Jubli Perak PDN yang diadakan baru-baru ini.

Anugerah yang diterimanya itu telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk

Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Mengulas tentang anugerah yang diterimanya itu, Jeck Leng berkata, dia amat gembira dan berbangga kerana dikurniakan anugerah tersebut.

Menurutnya, melalui anugerah tersebut, dia merasakan usaha yang dilakukannya selama ini dihargai oleh pihak kerajaan.

"Setiap dua minggu saya akan menempuh perjalanan dari rumah di Petaling Jaya, Selangor untuk datang ke PDN dan kemudian meluangkan masa hampir satu jam untuk menderma darah.

"Saya tidak meminta sebarang penghargaan apabila menderma darah, namun apabila diberi anugerah sebegini saya rasa diri ini benar-benar dihargai," katanya yang berasal dari Kuantan, Pahang.

Tambahnya, dia akan meneruskan amalan menderma darah itu selagi boleh bagi membantu memastikan bekalan darah untuk kegunaan pesakit mencukupi.

Menderma darah merupakan satu amalan yang wajar diamalkan oleh kita semua.

Melalui amalan ini, kita dapat membantu mereka yang memerlukan bekalan darah di saat memerlukan.

581 kali derma darah, PDN jadi rumah kedua



AMALAN
derma darah
telah dilakukan
Jack Leng sejak
usia 18 tahun.

JECK LENG sendiri mula tergerak hati untuk menjadi penderma darah apabila dia melihat ibunya berhadapan kesukaran untuk mendapat bekalan darah.

Menurutnya, pada usianya 12 tahun, ibunya ada menjalani pembedahan dan terpaksa merayu untuk mendapatkan bekalan darah gantian.

"Pada ketika itu, amalannya menderma darah tidak seperti sekarang. Tak ramai yang rela untuk menderma.

"Oleh itu ibu saya terpaksa meminta bantuan jiran untuk mendapatkan darah yang bersesuaian," jelasnya.

Namun bantuan itu bukan percuma kerana jiran itu meminta sedikit ganjaran untuk menderma darah.

Keluarganya perlu membayar hampir RM200 bagi mendapatkan darah untuk ibunya pada ketika itu.

Jack Leng hanya melihat dari jauh dan



Rencana Utama

Oleh
**FARID AHMAD
TARMIJI**

dia mula bermonolog dengan diri sendiri serta mengatakan darah adalah percuma mengapa kita perlu menjual darah?

Sejak detik itu tertanam niat dalam dirinya untuk menjadi penderma darah seumur hidup, tanpa meminta sebarang ganjaran.

Apabila cukup umur pada usia 18 tahun, dia terus menderma darah.

"Apabila cukup umur, saya tidak perlu meminta kebenaran keluarga untuk menderma darah.


"Saya masih ingat saya menderma darah kali pertama pada satu kempen derma darah yang diadakan di Kolej Tuanku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada ketika itu," terangnya.

Tambahnya, sejak detik itu dia terus menderma darah sehingga sekarang.

Disebabkan sering menderma

JECK LENG melakukan derma darah secara aferesis di PDN, Kuala Lumpur dua minggu sekali.

PADA usia 65 tahun, Jack Leng kekal cergas dan masih boleh bermain pickleball dan badminton.



INFO

Chin Jeck Leng

- Menerima anugerah 'Medal For Life' atas sumbangan menderma darah
- Mula menderma darah sejak berusia 18 tahun
- Telah menderma darah sebanyak 581 kali

darah, dia sudah menganggap PDN sebagai rumah keduanya.

Malah, ramai jururawat di PDN mengenalinya.

"Mereka semua kawan saya di sini.

"Malah saya tahu siapa yang cucuk tak sakit," katanya sambil ketawa kecil.

Ketika mula menderma darah, dia menderma darah secara *whole blood*.

Derma darah *whole blood* adalah proses di mana penderma mendermakan darah mereka, kemudian ia diproses di makmal untuk menghasilkan komponen darah seperti sel darah merah, plasma, dan platelet.

Pendermaan darah secara *whole blood* ini disarankan dilakukan untuk tiga bulan sekali.

Kemudian Jeck Leng beralih kepada pendermaan secara afeesis sekitar tahun 1995.

Pendermaan afeesis adalah satu proses yang melibatkan penggunaan mesin afeesis di mana platelet dan plasma atau kedua-duanya akan dikumpulkan, manakala sel darah merah akan dipulangkan semula kepada penderma.

Seseorang penderma afeesis boleh menderma dengan kekerapan dua minggu sekali.

Jeck Leng menjelaskan, dia juga tidak terlepas daripada mendapat 'kecaman negatif' terutama daripada netizen di media sosial atas usaha murninya menderma darah.

Menurutnya, ramai yang mengatakan dia 'penipu' kerana menderma darah lebih 500 kali.

"Mungkin dalam hal ini mereka cuma faham tentang pendermaan darah secara *whole blood* sahaja yang boleh dilakukan empat kali dalam masa setahun.

"Mereka tidak mengetahui pendermaan

MEDAL FOR LIFE

DR. DZULKEFLY (dua dari kiri) menyampaikan anugerah 'Medal For Life' kepada Jeck Leng (dua dari kanan) di PDN, Kuala Lumpur baru-baru ini.



JECK LENG berazam untuk konsisten menderma darah selagi dibenarkan berbuat demikian.

secara afeesis di mana ia boleh dilakukan setiap dua minggu sekali," katanya.

Tambahnya, melalui pendermaan secara afeesis membolehkan dia menderma darah lebih 500 kali.

Dia mengakui sedih apabila melihat di sosial media apabila ada pihak yang mengatakan dia menipu dalam pendermaan darah ini.

Tetapi Jeck Leng memaafkannya kerana dia mengetahui mungkin ramai lagi di luar sana yang masih tidak ada pengetahuan tentang pendermaan darah secara afeesis.

Dalam masa yang sama, tidak dapat dinafikan di luar sana masih ada mitos yang mengatakan pendermaan darah ini akan memudaratkan kesihatan.

Mengulas akan hal tersebut, Jeck Leng berkata, sepanjang dia menderma darah kesihatannya baik-baik sahaja.

Malah, dia langsung tiada masalah kesihatan dan merasakan dirinya lebih sihat.

"Setiap kali kita derma, badan kita hasilkan sel baharu dan saya rasa lebih sihat.

"Malah kini pada usia sebegini saya masih aktif bermain *pickleball* dan badminton yang membantu saya kekal cergas untuk terus menderma darah," ujarnya.

Jeck Leng juga menitipkan pesan kepada mereka di luar sana untuk turut serta menjadi penderma darah kerana ia merupakan satu usaha murni yang mampu untuk menyelamatkan nyawa orang lain.

"Kita tak tahu bila kita akan memerlukan darah.

"Hari ini kita menderma darah, mungkin esok kita pula yang menerima," katanya.

Dia juga menekankan bahawa teknologi masih belum mampu mencipta darah.

Hanya manusia yang boleh membantu sesama manusia dalam hal ini.

Baginya, menderma darah adalah bentuk kasih sayang tertinggi kepada insan lain tanpa mengira siapa mereka.

Jeck Leng juga berazam untuk terus konsisten menderma darah selagi mana dirinya dibenarkan untuk berbuat demikian.

"Selagi saya sihat, saya akan teruskan.

"Ini adalah tanggungjawab saya," ungkapnya.



JECK LENG menyifatkan kekerapannya ke PDN membuatkan dia dan kakitangan PDN sudah saling mengenali seperti kawan.

Jasa 9M-PHG umpama 'kecil-kecil cili api'

JOHOR BAHRU - Helikopter milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) jenis AS355N dengan nombor pendaftaran 9M-PHG yang terlibat kemalangan di Gelang Patah pastinya akan dikenang berikutan jasa dan sumbangannya kepada pelbagai lapisan masyarakat menerusi ribuan operasi.

Sejak berita mengenai pesawat itu terhempas di Sungai Pulai ketika mengikuti latihan pengesanan nuklear pada Khamis minggu lalu, ramai pihak yang mula mengimbau semula momen dan kenangan mereka, tidak kisah sama ada pengalaman menaikinya atau operasi yang pernah disertai helikopter tersebut.

Komander Pasukan Gerakan Udara (PGU) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Noor Sham Md Jani mengumpamakan 9M-PHG yang berusia 28 tahun itu sebagai 'kecil-kecil cili api' dengan insiden pen-

cerobohan pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah pada 2013, antara sumbangan terbesar helikopter tersebut.

Noor Sham berkata, beliau sendiri menerbangkan helikopter itu bagi membawa anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang tercedera ke Hospital Sandakan dan Hospital Lahad Datu.

"Kita gunakannya siang dan malam, tugas utama untuk membuat pemantauan dan pesawat ini juga bawa pasukan PGA yang cedera ke hospital Lahad Datu dan Hospital Sandakan. Saya sendiri yang membawanya," katanya kepada *Bernama*.

Di Johor, 9M-PHG jugalah helikopter yang digunakan untuk memindahkan tiga ibu mengandung berusia 22 hingga 33 tahun dari perkampungan Orang Asli yang terputus hubungan akibat banjir di Kahang, Kluang ke hospital pada 22 Mac lalu.

Helikopter bernombor pendaftaran 9M-PHG pernah digunakan untuk memindahkan tiga ibu mengandung dari perkampungan Orang Asli yang terputus hubungan akibat banjir di Kluang ke hospital.

